

# **ETNOLINGUISTIK KOMUNITI MELAYU SARIBAS, SARAWAK**

*Hamidah Abdul Wahab*

## **Abstrak**

Kajian bersifat deskriptif ini akan memperlihatkan fonologi segmental dialek Melayu Saribas, khususnya di daerah Debak, Saribas, Sarawak. Dalam kajian ini, aspek yang cuba dipaparkan termasuklah bunyi-bunyi fonem vokal dan fonem konsonan yang terdapat dalam pertuturan penutur jati dialek Melayu Saribas. Analisis kajian didasarkan kepada teori fonologi struktural. Di samping itu, kajian ini turut menyentuh serba sedikit tentang masyarakat Melayu di sini. Hasil kajian mendapati dialek ini mempunyai 27 fonem, iaitu 19 konsonan, 8 vokal dan satu diphong. Dialek ini juga memiliki ciri linguistiknya yang tersendiri dan kurang dipengaruhi dialek lain seperti dialek Melayu Kuching. Aspek etnolinguistik komuniti Melayu Saribas ini dilihat penting dipaparkan dan dikongsi bersama kerana situasi kebahasaan semasa sentiasa berubah, seiring dengan perkembangan kini, termasuklah dari aspek bahasa yang dinamik sifatnya.

## **Abstract**

*This is a descriptive study which will focus on the segmental phonology aspect of the Sarawak Malay-Saribas dialect, particularly the district of Debak, Saribas, Sarawak. The vocal and consonant phonemes found in the native speakers' speech of dialect were analyzed. The analysis was based on the theory of structural phonology. At the same time, some aspects of the Malay community in the district were also looked into. Findings reveal that the dialect has 27 phonemes; namely 19 consonants, 8 vocal and 1 diphthong. It is a dialect with*

*its own linguistic features and is least influenced by other dialect like Kuching Malay dialect. It was deemed important to share and make this ethnolinguistic aspect of the Malay-Saribas community known because of the constant changes and the dynamics of the language.*

## PENDAHULUAN

Masyarakat Melayu di Sarawak merupakan masyarakat pesisir dan petempatan mereka berpusat di kawasan pesisir, selain pusat daerah atau bandar(Awang Hasmadi,2001).Masyarakat ini membina weltanschauungnya yang tersendiri, sama ada sebagai majoriti atau minoriti di sesuatu petempatan. Esei ini menelusuri aspek-aspek sosial masyarakat Melayu dan fonologi dialek Melayu Saribas, Sarawak. Kajian yang bersifat deskriptif ini turut memperlihatkan fonologi segmental dialek Melayu Saribas, khususnya di daerah Debak. Pemaparan dialek ini sejajar dengan kenyataan Asmah (2001:8), iaitu pendokumentasian bahasa seperti ini membolehkan sesuatu bahasa atau dialek diberi kedudukan yang jelas dalam perbandaharaan bahasa dunia. Kajian berkaitan kebahasaan dan sosial ini dilakukan dengan hasrat untuk membantu memelihara dan menjamin kelestarian kosa ilmu dan warisan Melayu masyarakat Melayu di sini.

## PROFIL DAERAH SARIBAS

### Demografi Masyarakat Melayu Saribas

Leete (1996) menyatakan bahawa terdapat seramai 360 400 orang Melayu di seluruh negeri Sarawak dan daripada jumlah tersebut, lebih daripada 216 000 orang penduduk Melayu tinggal di luar bandar Sarawak. Petempatan penduduk Melayu di tebing Sungai Saribas yang meliputi antara 20 000 hingga 30 000 orang merupakan salah satu petempatan penduduk Melayu di luar bandar negeri ini (Collins, 2000:4).

Daripada Peta 1 (di Lampiran), dapat diperhatikan bahawa daerah Saribas terletak di bahagian barat negeri Sarawak. Daerah ini merupakan salah satu daerah di bahagian Sri Aman, selain daerah Batang Lupar, Lubok Antu dan Kelaka. Berdasarkan perangkaan penduduk (2000), jumlah penduduk di daerah Sri Aman meliputi 62 775 orang. Secara khusus, masyarakat Melayu Saribas membina petempatan di sepanjang lembangan Sungai Rimbas, dan di sini terdapat beberapa buah perkampungan Melayu

yang terbahagi kepada kampung hulu dan kampung hilir, misalnya Kampung Debak, Kampung Hilir Tui, Kampung Lalang dan kampung-kampung lain.

Masyarakat Melayu Saribas bertumpu di pekan Debak (Sila rujuk Peta 2), yang terletak kira-kira 100 kilometer dari bandar Sri Aman dan kira-kira 280 kilometer dari bandar raya Kuching. Pekan ini berada di dalam daerah Betong. Kawasan ini telah dilengkapi pelbagai kemudahan awam seperti telefon, elektrik dan air. Selain itu, terdapat juga kemudahan perpustakaan, klinik, pejabat pos dan pejabat daerah.

Menyorot kembali asal usul masyarakat Melayu Saribas, Sandin dalam *The Origin of Saribas Malays* (SMJ:17, 34 – 35) menjelaskan bahawa, masyarakat Melayu Saribas berasal dari penduduk tempatan sendiri, yang diislamkan melalui pendakwahan pengislamahan dan perkahwinan. Sungguhpun demikian, Abang Yusuf (1996) pula menyatakan bahawa asal orang Melayu Sarawak adalah dari Minangkabau, Sumatera, yakni melalui tokoh legenda Datuk Merpati. Beliau mewajarkan pendapat ini dengan mengaitkan persamaan adat antara orang Melayu Sarawak dengan orang Minangkabau. Selain melihat asal usul masyarakat Melayu Saribas, pekan Debak yang menjadi tumpuan penduduk Melayu ini juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Mengikut sejarah, nama Debak berasal daripada perkataan ‘rebak’ yang bermakna tunggul-tunggul kayu reput yang hanyut dan memenuhi laluan aliran sungai. Sehingga sekarang, dikatakan bahawa ‘rebak’ masih wujud dan memenuhi aliran Sungai Rimbas.<sup>1</sup>

## Agama dan Budaya

Dari segi kepercayaan dan adat resam, masyarakat Melayu Saribas menganut agama Islam dan menjalankan aktiviti keagamaan di masjid-masjid dan surau. Walau bagaimanapun, generasi tua di daerah ini dipercayai masih kuat mengamalkan kepercayaan lama mereka. Seperti di daerah-daerah lain di negara ini, pendidikan bagi kanak-kanak masyarakat ini bermula dengan pendidikan tidak formal. Pendidikan formal bermula seawal peringkat tadika sehingga ke peringkat tinggi. Senario ini selaras dengan kenyataan Mohamad Haji Arsat (1996:104), bahawa orang Melayu di Sarawak merupakan kaum peribumi termaju, mementingkan pendidikan agama dan umumnya anak-anak mereka mendapat pendidikan atas agama dan bahasa.

<sup>1</sup> Sumber sejarah ini dipetik daripada laman web di alamat <http://www.melayusaribas-debak.mainpage.net/> dan <http://debakswk.tripod.com/>

## **Ekonomi**

Sumber ekonomi masyarakat di daerah ini disokong oleh kegiatan pertanian dan juga ternakan. Kebanyakan golongan lelaki bekerja di luar daerah Debak, sementara golongan wanita terlibat dalam aktiviti pertanian di kebun atau ladang. Walau bagaimanapun, terdapat juga warga Debak yang berkhidmat dengan kerajaan dan membuka perniagaan sendiri.

## **Linguistik Dialek Melayu Saribas**

Umumnya, sesuatu dialek ialah turunan daripada suatu bahasa. Dengan kata lain, dialek merupakan kelainan atau variasi daripada satu bahasa, yakni sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa (Collins, 1981:94). R.H. Robins (1967:51) pula menyatakan bahawa dialek itu adalah satu abstraksi yang sama dengan bahasa tetapi dialek meliputi bilangan penutur yang lebih sedikit. Dalam konteks ini, dialek Melayu Saribas, di daerah Debak (DMSbs) ialah dialek turunan daripada bahasa induk, yakni bahasa Melayu, hasil pemecahan bahasa tersebut dalam proses perkembangannya.

Dalam kajian bahasa yang melibatkan sesebuah kelompok masyarakat di sesuatu kawasan, seperti kajian fonologi dialek masyarakat Melayu Saribas di Debak ini, kajian tersebut dikenali sebagai kajian dialek geografi. Hal ini bertepatan dengan pemerian dialek geografi yang diutarakan oleh Ajid (1982:227), iaitu “Kajian kelainan bentuk bahasa yang digunakan di dalam satu-satu masyarakat bahasa yang dikaitkan dengan daerah ataupun kawasan di mana bentuk itu digunakan dikenali sebagai dialek geografi”.

Selain itu, dialek geografi juga boleh ditakrifkan dengan cara mengaitkannya dengan ruang tempat dialek tersebut dituturkan, khususnya ruang geografi, atau menerusi perbezaan ciri-ciri linguistik seperti kosa kata, sebutan dan nahu. Dari segi ruang geografi juga, dialek geografi dapat didefinisikan sebagai variasi bahasa yang wujud disebabkan kawasan pertuturan yang berbeza (Noriah, 2003:15 – 16).


Berdasarkan definisi-definisi dialek dan dialek geografi yang telah dinyatakan tadi, DMSbs yang akan disentuh dalam kajian ini merupakan satu contoh dialek geografi. Dialek ini digunakan dengan meluas dalam kalangan masyarakat Melayu, khasnya di daerah Debak. Selain itu, kaum-kaum lain seperti Cina, Iban dan Melanau turut menggunakan dialek ini dalam komunikasi sehari-hari.

Masyarakat Melayu Saribas (Debak) secara keseluruhannya menuturkan dialek Melayu yang berbeza penyebutan leksikalnya berbanding dengan masyarakat Melayu Sarawak (daerah Kuching).<sup>2</sup> Perbezaan tersebut berkemungkinan berpunca daripada faktor geografi, sejarah perkembangan, penutur, dan sebagainya. Kelompok masyarakat Melayu Debak, Saribas pada dasarnya membentuk identiti bahasa yang tersendiri, mengikut keadaan persekitaran mereka. Fenomena ini tidak asing bagi kebanyakan masyarakat peribumi di Sarawak, termasuk masyarakat Melayu di kawasan ini kerana faktor-faktor alam semula jadi banyak mempengaruhi corak petempatan dan kebudayaan mereka. Disebabkan masyarakat ini tinggal di kawasan-kawasan yang berbeza, maka mereka cenderung membina kebudayaan dan bahasa yang tersendiri, berbeza dengan kaum-kaum lain. Walau bagaimanapun, penggunaan bahasa masyarakat Melayu di daerah Debak turut dipengaruhi oleh bahasa Iban kerana terdapat ramai penduduk di daerah ini yang terdiri daripada kaum Iban.

Pada asasnya, dialek-dialek Melayu di Malaysia, termasuk DMSbs, tergolong dalam keluarga bahasa Melayu. Menurut Asmah (1991:27), rumpun bahasa di Malaysia terbahagi kepada tujuh bahagian dan salah satunya ialah rumpun Austronesia yang terdiri daripada bahasa Melayu, bahasa-bahasa bumiputera (peribumi) di Sabah dan Sarawak, bahasa Jawa, Boyan, Aceh dan sebagainya. Kenyataan ini menjelaskan bahawa DMSbs yang berada di bawah kelompok bahasa Melayu Sarawak, tergolong dalam rumpun Austronesia dan berada dalam satu rumpun dengan bahasa Melayu. Selain itu, pengelompokan bahasa berdasarkan kawasan geografi bahasa-bahasa bumiputera di Malaysia turut dilakukan oleh Asmah (1988) seperti dalam Skema 1.

---

<sup>2</sup> Sila lihat kajian Collins berkenaan perbandingan leksikal dialek-dialek Melayu Sarawak dalam *Dialek Melayu Sarawak* (1987).

**Skema 1** Pengelompokan bahasa bumiputera Malaysia.

*Sumber:* Dipetik dan diubah suai daripada Asmah Haji Omar, *Susur Galur Bahasa Melayu* (1988:39).

### Kajian Dialek Melayu Sarawak

Kajian linguistik dialek Melayu Sarawak pernah dilakukan oleh James T. Collins dan hasil kajian tersebut dimuatkan dalam buku beliau, *Dialek Melayu Sarawak* (1987). Dalam kajian tersebut, beliau melihat kepelbagaiannya dialek Melayu di Sarawak, dengan membuat perbandingan leksikal antara dialek tersebut. Daerah-daerah yang termasuk dalam kajian itu termasuklah Tabuan, Sijingkat, Muara Tuang, Tanjung Bundong, Lintang, Tupong Tengah, Buntal dan Debak. Aspek yang difokuskan dalam kajian tersebut lebih cenderung kepada perbandingan fonologi, iaitu kelainan penyebutan antara dialek Melayu Sarawak. Dalam kajian tersebut, aspek linguistik dialek Melayu Saribas turut disentuh secara umum.

Sebagai contoh, beliau menyatakan bahawa terdapat kadar perbezaan fonetik dan leksikal yang agak tinggi antara dialek daerah Debak, Saribas dengan ragam Sungai Sarawak. Bagi menjelaskan perbezaan fonetik seperti yang dinyatakan oleh beliau, yang berikut disenaraikan ciri-ciri fonetik ragam Saribas:

- (i) /a/ pada akhir kata wujud sebagai [ɔ], vokal belakang rendah yang bundar. Pada posisi lain, /a/ tersebut adalah [a]. Dalam lembangan Sungai Sarawak, [a] hadir pada semua posisi. Contoh:

Bahasa Malaysia	Debak	Madrasa (Kuching)
nama	[namɔ]	[nama]
kata	[katoɔ]	[kata]
tiga	[tigoɔ]	[tiga]

- (ii) Diftongisasi vokal tinggi pada akhir kata. Contoh:

Bahasa Malaysia	Debak	Madrasa (Kuching)
hati	[at + y]	[ati]
hari	[aɔ + y]	[aɔi]
batu	[batuw]	[batu]

- (iii) /ɤ/ pada akhir kata wujud dalam dua bentuk. Jika ia mengikuti a, /ɤ/ itu dilemahkan sehingga ia menjadi vokal tengah madya, sekali-sekali unsur velarisasi terdengar juga. Jika /ɤ/ mengikuti vokal lain, unsur velarisasi tiada dan vokal tengah itu menjadi tidak terlalu tinggi. Secara fonetik, impresionis alofon /ɤ/ pada akhir kata [ə] atau [ɤ] dan [â]. Di lembangan Sungai Sarawak, [ɤ] wujud pada semua posisi. Misalnya:

Bahasa Malaysia	Debak	Madrasa (Kuching)
benar	[bənaɤ]	[bənaɤ]
telur	[təluə̯]	[təlɤ]
pasir	[pasia̯]	[pasiv̩]

- (iv) Likuida gusi /l/ pada akhir kata muncul sebagai vokal depan rendah madya [e]. Di lembangan Sarawak, /l/ wujud sebagai [l] pada semua posisi. Contohnya:

Bahasa Malaysia	Debak
bantal	[bantae]
bakul	[bakwe]
botol	[botoe]

- (v) Terdapat konsonan panjang pada awal kata, yang merupakan perubahan fonologi, bukan perselisihan fonetis. Kata-kata tiga suku kata (yang bukan kata hitung) disingkatkan dengan menggugurkan

vokal pada suku ketiga dari akhir. Misalnya:

/ bə + diŋi /	[d:iŋ + y]
/ lə + aki /	[l:ak + y].

Menurut Collins (2000:5), selain beliau, pengkaji yang menjalankan kajian terhadap dialek Melayu Sarawak daerah Saribas ialah Yusuf Puteh (1996) dan Mohd. Azlan (1997). Namun demikian, kajian ilmiah yang dilakukan oleh Yusuf berkisar tentang ekonomi dan budaya masyarakat, sementara karangan Mohd. Azlan menyentuh sedikit tentang bahasa Melayu Saribas.

Selain kajian-kajian terdahulu yang telah dinyatakan di atas, terdapat juga pengkaji-pengkaji lain yang turut mengkaji dialek Melayu Sarawak. Pengkaji-pengkaji tersebut termasuklah Madzhi Johari, *Fonologi Dialek Melayu Kuching* (1972), Mastura Anuar, *Aspek Fonologi dan Morfologi Dialek Melayu Sarawak* (1979) dan Taha Abdul Kadir, *Bahasa Melayu Dialek Sarawak: Satu Pengenalan Ringkas* (1981). Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji ini berfokus kepada kajian dialek Melayu Sarawak di daerah Kuching sahaja.

Dalam kajian Madzhi, aspek yang diberikan perhatian oleh beliau ialah fonologi dialek Melayu Kuching, sementara Mastura pula meneliti kedua-dua aspek fonologi dan morfologi dialek yang sama, namun dari sudut pendekatan generatif. Taha juga mengkaji dialek Melayu Sarawak, dengan memperlihatkan ciri-ciri dialek tersebut, serta membandingkan leksikal dialek ini dengan leksikal bahasa Malaysia. Selain itu, beliau turut menyentuh bentuk dan penyebaran dialek Melayu Sarawak.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pengkaji terdahulu telah menunjukkan bahawa terdapat kadar perbezaan leksikal yang tinggi antara dialek Melayu Debak, Saribas dengan dialek Melayu di daerah Kuching. Namun demikian, daripada pendedahan tinjauan kajian lalu, didapati bahawa kajian linguistik khusus yang melibatkan dialek Melayu di daerah Saribas amat kurang dilakukan. Berikutan daripada ini, difikirkan bahawa kajian secara khusus, seperti kajian dari aspek fonologi segmental, perlu dijalankan terhadap dialek ini. Langkah ini sedikit sebanyak dapat memperlihatkan aspek fonologi DMSbs (Debak), kepada umum. Walau bagaimanapun, kajian-kajian terdahulu akan dimanfaatkan dalam menjalankan kajian ini.

## Kaedah Kajian

Kajian ini merangkumi kerja-kerja pengumpulan data melalui kaedah kepustakaan dan lapangan, pentranskripsian berdasarkan simbol *International*

*Phonetic Alphabet* (IPA), dan analisis data DMSbs. Secara khusus, kajian lapangan dizahirkan daripada soal selidik yang dirangka untuk memperoleh seperangkat data yang betul-betul dapat mencirikan DMSbs. Pelaksanaan kajian lapangan oleh pengkaji ini bersesuaian dengan kenyataan Samarin (1993:1), iaitu kajian lapangan atau linguistik lapangan, merupakan satu cara mendapatkan data linguistik untuk mengkaji fenomena linguistik. Selain itu, menurut Asmah (2001:8), tujuan kajian lapangan adalah untuk memberi bentuk tulisan kepada bahasa atau dialek, dan untuk membuat dokumentasi bahasa atau dialek berkenaan dari berbagai-bagai aspek: fonologi, nahu dan perbendaharaan kata.

Dalam kajian ini, penghasilan pertuturan lisan informan DMSbs merupakan data linguistik yang amat penting, mencakupi data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data senarai kosa kata yang disediakan mengikut domain penggunaan tertentu, seperti bahagian tubuh badan, bilangan dan ukuran, hubungan kekeluargaan, warna, benda dan sebagainya, manakala data sekunder pula diperoleh daripada penghasilan pertuturan lisan informan mengenai topik-topik tertentu yang telah ditetapkan dan secara spontan, melalui rakaman.

Dalam kajian ini, informan merujuk kepada orang yang memberi maklumat bahasa kepada pengkaji. Dalam perkataan lain, informan adalah pemaklum bahasa (Asmah, 2001:45). Informan merupakan pembantu kepada pengkaji, yang melaluiinya, pengkaji akan memperoleh data DMSbs. Dalam konteks ini, informan juga merupakan pemeriksa kepada ketepatan sesuatu data yang diperoleh oleh pengkaji. Dalam kajian dialek yang sememangnya melibatkan kajian lapangan dan memerlukan informan, pemilihan seseorang informan yang sesuai adalah amat penting untuk mendapatkan data linguistik yang tepat atau hampir tepat bagi menyatakan ciri-ciri sesuatu bahasa atau dialek. Menurut Ajid Che Kob (1982:227), sekurang-kurangnya seorang informan haruslah dipilih dari satu-satu kawasan yang hendak dikaji. Justeru, informan yang dipilih untuk kajian ini merupakan penduduk asal dan penutur jati dialek kajian.<sup>3</sup>

Memandangkan penulis menekankan aspek fonologi yang merangkumi fonem, khususnya fonem vokal, diftong dan konsonan DMSbs, maka data kajian akan dianalisis berdasarkan aspek fonologi segmental, kerana dalam aspek ini bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat sebutan

<sup>3</sup> Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada informan kajian ini, iaitu Saudari Siti Hajar binti Mohd. Spawi yang telah bekerjasama membantu penulis mendapatkan data dialek ini.

manusia adalah bersifat bersegmen atau penggalan. Maka, kajian fonologi segmental secara khusus akan menganalisis deretan bunyi bahasa dari aspek fonem, sesuai dengan corak distribusinya.

## FONEM DIALEK MELAYU SARIBAS

### Daftar Fonem


Fonem atau bunyi-bunyi bahasa ialah bentuk linguistik terkecil yang membezakan erti (Lutfi Abas, 1971:83). Dengan kata lain, fonem ialah unit bunyi yang minimal yang dapat membezakan kata yang berlainan erti. Dalam bahasa Melayu, terdapat enam jenis fonem vokal dan 19 fonem konsonan. Sebagai contoh, konsep fonem dapat dijelaskan melalui kata-kata yang berikut:

[padi]	'padi'
[badi]	'penyakit badi'
[tadi]	'tadi'

Daripada contoh kata-kata di atas, /p/, /b/ dan /t/ adalah fonem yang dapat membezakan erti kata-kata tersebut. Dalam bahagian berikut, pengkaji akan memperlihatkan jenis-jenis fonem vokal dan fonem konsonan yang terdapat dalam dialek Melayu Saribas. Seterusnya, bunyi-bunyi bahasa atau fonem-fonem ini akan dilihat pula dalam pasangan minimal, yakni pasangan kata-kata yang dapat membezakan erti seperti dalam tiga contoh perkataan bahasa Melayu di atas.

### Vokal

Daripada penelitian pengkaji terhadap sistem bunyi bahasa yang dituturkan dalam DMSbs, didapati terdapat lapan fonem vokal, iaitu i, e, ə, ε, u, o, ɔ, dan a. Rajah 1.1 yang berikut menunjukkan bunyi-bunyi vokal dialek Melayu Saribas:



**Rajah 1.1** Bunyi-bunyi vokal dialek Melayu Saribas.

Berdasarkan penggolongan vokal mengikut kedudukan lidah, terdapat empat jenis vokal depan iaitu [i], [e], [ɛ], dan [a] dalam DMSbs. Selain itu, terdapat satu vokal tengah iaitu [ə], sementara vokal belakang pula terdiri daripada tiga iaitu [u], [o] dan [ɔ]. Distribusi fonem-fonem vokal tersebut dapat dilihat berdasarkan kedudukannya dalam leksikal-leksikal DMSbs, seperti dalam contoh-contoh yang diturunkan seperti yang berikut:

**Jadual 1.1** Distribusi fonem vokal DMSbs.

Bil.	Jenis vokal	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		DMSbs	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/i/	idoŋ	hidung	li:ŋo	telinga	ni:	di mana
2.	/e/	idup	hidup	pikia	fikir	ŋami	ramai
				keŋe?	kiri	təbe	tebal
				tasek	tasik	suŋe	sungai
3.	/ɛ/					ŋɛme	semai
4.	/a/	atap	atap	bau	bau	ikua	ekor
		asu?	anjing	daun	daun	gugua	jatuh
5.	/ə/			gəxu?	leher		
				pəxut	perut		
6.	/u/	utan	hutan	mutah	muntah	bau	bau
		ula:	ular	ŋambut	rambut		
7.	/o/			belok	pusing		
				molah	buat		
8.	/ɔ/					matɔ	mata
						namɔ	nama

Daripada jadual di atas, didapati bahawa distribusi fonem-fonem vokal dalam dialek ini tidak menyeluruh kerana terdapat fonem vokal yang tidak dapat hadir pada semua posisi dalam kata.

Contoh-contoh leksikal dalam jadual tersebut menunjukkan bahawa fonem vokal depan tinggi /i/, vokal depan rendah /a/ dan vokal belakang tinggi /u/ boleh hadir pada semua posisi dalam kata, dalam dialek ini.

Walau bagaimanapun, fonem vokal tengah /ə/ dan fonem vokal belakang separuh sempit /ɔ/ hanya wujud pada kedudukan tengah dalam kata. Vokal depan separuh sempit /e/ pula dapat berada pada posisi tengah dan akhir kata, sementara vokal depan separuh luas /ɛ/ dan vokal belakang separuh luas /ɤ/ hanya dapat menempati kedudukan akhir kata.

### Diftong

Daripada penelitian yang telah dilakukan, didapati bahawa hanya terdapat satu diftong di dalam DMSbs, iaitu /oi/. Diftong ini terdapat dalam lingkungan akhir kata, iaitu sebelum kesenyanan, dan mempunyai dua kesejajaran dalam BMS iaitu – oi dan – ui. Sebagai contoh, yang di bawah ialah perkataan-perkataan DMSbs yang dihadiri oleh diftong [oi]:

[kaloi]	‘sejenis ikan’
[paloi]	‘bodoх’
[kosoi]	‘sejenis kuih’
[tumpoi]	‘tumpul’

Dalam DMSbs, diftong-diftong /ai/ dan /au/ seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu standard berubah menjadi /e/ dan /ow/. Walau bagaimanapun, setelah penelitian dijalankan terhadap dialek ini, didapati bahawa berlaku perubahan gugus vokal, seperti yang telah dinyatakan tadi, dalam DMSbs. Contoh-contoh leksikal DMSbs yang berikut menjelaskan senario ini:

(i) /ai/ → /e/

BMS	DMSbs
[kədai]	→ [kede]

(ii) /au/ → /ow/

BMS	DMSbs
[pulau]	→ [pulow]
[limau]	→ [limōw]
[kerbau]	→ [kəɤbow]

### Konsonan

Daripada penelitian, terdapat 19 fonem konsonan dalam dialek Melayu Saribas. Fonem konsonan tersebut termasuklah /p, b, t, d, k, g, ?, m, n, ɳ,

n, s, h, č, j, l, ψ, w, y /. Berdasarkan daerah penyebutan, fonem konsonan tersebut dapat dijadualkan seperti yang berikut:

**Jadual 1.2** Bunyi-bunyi konsonan dialek Melayu Saribas.

Cara Penghasilan	Titik Artikulasi				
	bilabial	alveolar	palatal	velar	glotis
Plosif/hentian	p b	t d	- -	k g	?
Nasal	m	n	ʃ j	ŋ	
Frikatif		s	- -	ψ	h
Afrikat			č j	- -	
Lateral			l	- -	
Separuh vokal	w		y	- -	

Jadual di atas jelas menunjukkan bahawa dialek ini mempunyai tujuh fonem konsonan plosif. Selain itu, terdapat juga empat konsonan nasal, tiga konsonan frikatif, dua konsonan afrikat, satu konsonan lateral dan dua konsonan separuh vokal. Penyebaran konsonan-konsonan tersebut dalam kata akan diteliti pada bahagian yang berikut:

### Konsonan Plosif

**Jadual 1.3** Distribusi fonem konsonan plosif DMSbs.

Bil.	Jenis konsonan	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		D	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/p/	pikia	fikir	nimpi	mimpi	ŋisap	hisap
		pala?	kepala	mpwan	perempuan	atap	atap
		pusa?	kucing	apiy	api	ŋuap	menguap
2.	/b/	bilo	bila	dəbu	debu	- -	- -
		bəy̪at	berat	babas	rumput	- -	- -
		bagus	bagus	təbe	tebal	- -	- -
3.	/t/	tajan	tangan	bintaj	bintang	bəy̪at	berat
		taun	tahun	kita	kita	ikat	ikat
		takut	takut	atiy	hati	- -	- -
4.	/d/	dixiy	diri	ludah	ludah	- -	- -
		datanj	datang	tiduy	tidur	- -	- -
		duduk	duduk	idon	hidung	- -	- -

*sambungan Jadual 1.3*

5.	/k/	kakiy	kaki	ikan	ikan	duduk	duduk
		kəči?	kecil	tikus	tikus	čučok	cucuk
		kulit	kulit	akuw	aku	nutok	tumbuk
6.	/g/	gavam	garam	bagus	bagus		
		gaok	jahat	gugua	jatuh		
		guntoꝝ	guruh	gigit	gigit		
7.	/?/					tuno?	bakar
						isi?	isi
						biya?	muda

Melihat kepada Jadual 1.3 di atas, didapati bahawa fonem-fonem konsonan plosif tak bersuara seperti /p/, /t/ dan /k/ dapat menduduki posisi awal, tengah dan akhir dalam kata dialek Melayu Saribas. Keadaan ini berbeza dengan konsonan-konsonan bersuara seperti /b/, /d/ dan /g/ yang hanya menempati posisi awal dan tengah kata. Dalam DMSbs, didapati konsonan plosif glotis /?/ dapat wujud pada kedudukan akhir kata sahaja, seperti pada contoh di dalam jadual tersebut.

**Konsonan Nasal****Jadual 1.4** Distribusi fonem konsonan nasal DMSbs.

Bil.	Jenis vokal	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		DMSbs	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/m/	miyah	merah	ləmak	lemak	itam	hitam
		molah	buat	tumpoi	tumpul	minum	minum
		malam	malam	kamah	kotor	nanam	tanam
2.	/n/	namə	nama	minum	minum	dagin	daging
		nimpi	mimpi	tanah	tanah	daun	daun
		nanam	tanam	pandak	pendek	bulan	bulan
3.	/ŋ/	čuyiy	mencuri	v̥i ja?	kunyah		
		čiyum	cium	pa jan̥	panjang		
4.	/ɳ/	ɳuap	menguap	taŋan	tangan	dataŋ	datang
		ɳali?	gali	laŋit	langit	təŋəbaŋ	terbang

Seperti contoh-contoh yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.4, fonem-fonem konsonan nasal kebanyakannya dapat hadir pada semua posisi

dalam kata. Hanya satu konsonan nasal sahaja yang tidak dapat hadir pada kedudukan di akhir kata, iaitu /ʃ/. Selain /ʃ/, konsonan-konsonan nasal /m/, /n/ dan /ʃ/ dilihat dapat menempati semua posisi awal, tengah dan akhir kata dalam DMSbs.

## Konsonan Frikatif

**Jadual 1.5** Distribusi fonem konsonan frikatif DMSbs.

Bil.	Jenis k	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		DMSbs	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/s/	susuw	susu	pusa?	kucing	bənapas	bernafas
		sakit	sakit	isap	hisap	najis	menangis
		sejok	sejuk	asu?	anjing	babas	rumput
2.	/ʂ/	ʂami	ramai	bəʂəkot	lari	guntorʂ	guruh
		ʂambut	rambut	keʂe?	kiri	bəsaʂ	besar
		ʂumah	rumah	bəʂət	berat		
3.	/h/			tuhan	tuhan	kamah	kotor
				bahai	kemalangan	miyah	merah
						bah	bawah

Distribusi fonem-fonem konsonan frikatif DMSbs pula dilihat agak menyeluruh kerana konsonan-konsonan /s/ dan /ʂ/ dapat hadir pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Daripada analisis yang telah dilakukan, didapati bahawa hanya konsonan frikatif /h/ sahaja yang tidak dapat berada pada kedudukan awal kata, sebaliknya dapat hadir di tengah dan akhir leksikal.

## Konsonan Afrikat

**Jadual 1.6** Distribusi fonem konsonan afrikat DMSbs.

Bil.	Jenis k	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		DMSbs	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/č/	čučok	cucuk	/čuʂiy	curi		
		čuit	cuit	/čiʐum	cium		
2.	/j/	jəʂum	jarum	kəʂja	kerja		
		jalan	jalan	ujan	hujan		

Daripada analisis data yang telah dilakukan, didapati bahawa kedua-dua fonem konsonan afrikat DMSbs iaitu /č/ dan /j/ tidak dapat berada pada kedudukan akhir kata. Fonem-fonem ini hanya dapat menempati posisi awal dan tengah kata sahaja. Selain itu, daripada senarai data yang diperoleh, pengkaji juga mendapati bahawa leksikal yang memiliki konsonan /č/ dalam dialek ini agak terhad.

### Konsonan Lateral /l/

**Jadual 1.7** Distribusi fonem konsonan lateral DMSbs.

Bil.	Jenis Konsonan	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		DMSbs	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/l/	lakiy	lelaki	lileh	mengalir		
		lima?	lima	səmilan	sembilan		
		lidah	lidah	taliy	tali		

Dalam dialek ini, hanya terdapat satu sahaja konsonan lateral, iaitu /l/. Penyebaran fonem konsonan ini dalam kata dapat dilihat berdasarkan jadual di atas. Daripada contoh yang diturunkan, jelas bahawa konsonan /l/ hadir pada dua posisi dalam kata, iaitu awal dan tengah kata. Walau bagaimanapun, konsonan ini gagal menempati posisi akhir dalam kata DMSbs.

### Konsonan Separuh Vokal

**Jadual 1.8** Distribusi fonem konsonan separuh vokal DMSbs.

Bil.	Jenis Konsonan	Awal kata		Tengah kata		Akhir kata	
		DMSbs	BMS	DMSbs	BMS	DMSbs	BMS
1.	/w/	wayanj	wayang	awan	awan	batuw	batu
		wajip	wajib	mpwan	perempuan	limow	limau
		wau	wau	bawanj	bawang	pulow	pulau
2.	/y/	yɔ	itu	niyup	tiup	apiy	api
		yu?	‘sejenis ikan’	biya?	muda	ayiy	hari
				boya?	buaya	gigiy	gigi

Fonem konsonan terakhir dalam dialek Melayu Saribas ialah fonem konsonan separuh vokal /w/ dan /y/. Daripada Jadual 1.8, dilihat bahawa fonem-fonem geluncuran /w/ dan /y/ ini boleh berada pada semua posisi dalam kata.

### **Analisis Fonem Dialek Melayu Saribas**

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, fonem adalah unit bunyi yang minimal atau unit bunyi terkecil yang dapat membezakan makna. Dalam bahagian terdahulu, telah dipaparkan jenis-jenis fonem, iaitu fonem vokal dan konsonan dialek Melayu Saribas. Lanjutan daripada itu, fonem-fonem tersebut akan dianalisis pula untuk melihat keadaannya dalam bentuk pasangan minimal.

Daripada penelitian yang telah dilakukan terhadap data bahasa yang diperoleh, terdapat beberapa pasangan minimal fonem vokal dan konsonan dalam dialek ini. Contoh-contoh pasangan minimal vokal dan konsonan tersebut dapat dilihat dalam jadual-jadual yang berikut:

**Jadual 1.9** Pasangan minimal fonem vokal DMSbs.

Bil.	Vokal	DMSbs	BMS
1.	/a/ - /u/	sakat	sakat
		sukat	sukat
2.	/a/ - /ə/	(i) daki?	daki
		dəki?	mendaki
		(ii) garu?	garu
		gəru?	leher
3.	/a/- /i/	angus	hangus
		ingus	hingus
4.	/u/- /e/	tukuk	ketuk
		tekuk	tindas

**Jadual 1.10** Pasangan minimal fonem konsonan DMSbs.

Bil.	Konsonan	DMSbs	BMS
1.	/p/ - /s/	pukat	pukat
		sukat	sukat
2.	/b/ - /k/	(i) bəras	beras
		kəras	keras
		(ii) balat	'sejenis pukat menangkap udang,'
		kəlat	kelat

*sambungan Jadual 1.10*

3.	/p/ - /b/	palit	calit
		balit	balik
4.	/l/ - /t/	lapis	lapis
		tapis	tapis
5.	/k/ - /j/	kərat	kerat
		jərat	jerat
6.	/č/ - /k/	čuit	cuit
		kuit	kuit
7.	/k/ - /m/	kato	kata
		matɔ	mata
8.	/n/ - /b/	nait	naik
		bait	baik
9.	/m/ - /n/	mun	kalau
		nun	sana/itu
10.	/y/ - /n/	yɔ	itu
		ʃɔ	dia
11.	/k/ - /l/	kakiy	kaki
		lakiy	lelaki
12.	/p/ - /t/	apiy	api
		atiy	hari
13.	/l/ - /ŋ/	buluw	bulu
		buŋuw	buru
14.	/t/ - /d/	taun	tahun
		daun	daun
15.	/t/ - /j/	utan	hutan
		ujan	hujan
16.	/t/ - /s/	atap	atap
		asap	asap
17.	/d/ - /n/	di	di
		ni:	di mana
18.	/k/ - /ʔ/	(i) tətak	tetak
		təta?	ketawa
		(ii) lupak	lopak
		lupa?	lupa
19.	/t/ - /ʔ/	(i) pəsit	lastik
		pəsi?	membuka baju
		(ii) mpat	empat
		mpa?	labah-labah

## PENUTUP

Daripada analisis yang telah dijalankan terhadap data dialek Melayu Saribas (Debak), didapati bahawa fonem-fonem dalam dialek ini berjumlah 27, yang terdiri daripada lapan fonem vokal dan sembilan belas fonem konsonan serta satu diftong. Distribusi fonem-fonem vokal dan konsonan dialek ini secara keseluruhannya tidak menyeluruh kerana terdapat sesetengah daripada fonem tersebut tidak boleh hadir pada posisi tertentu dalam kata.

Hasil analisis juga menunjukkan bahawa dialek ini mempunyai ciri linguistik yang tersendiri dengan adanya kelainan /ɔ/ di akhir suku kata terbuka berakhiran /a/, yang berbeza dengan dialek Melayu Sarawak yang lain, seperti dialek Melayu Kuching. Contohnya dalam kata-kata seperti [matɔ] dan [tigɔ], yang memperlihatkan kewujudan fonem /ɤ/ pada posisi akhir kata. Selain itu, didapati juga bahawa diftong-diftong /ai/ dan /au/ seperti yang terdapat dalam bahasa Melayu standard berubah menjadi /e/ dan /ow/ dalam DMSbs. Perubahan ini adalah perubahan gugus vokal dalam DMSbs. Misalnya, perubahan /ai/ → /e/ berlaku dalam kata [kədai] → [kəde], manakala perubahan /au/ → /ow/ pula berlaku dalam kata [pulau] → [pulow].

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa masyarakat di sini memiliki cara hidup tersendiri, bergantung kepada alam sekelilingnya. Dari aspek kebahasaan, dialek Melayu Saribas daerah Debak mempunyai ciri-ciri dialek Melayu yang tersendiri dan kurang dipengaruhi oleh dialek Melayu Sarawak daerah lain, seperti dialek Melayu di Kuching. Fenomena ini didorong oleh faktor keterpisahan geografi yang luas antara kawasan di negeri Sarawak. Walaupun masyarakat Melayu daerah ini berjaya membina identiti bahasa yang tersendiri, namun dialek ini turut dipengaruhi oleh bahasa kaum majoriti lain, terutamanya bahasa Iban yang dituturkan dengan meluas di daerah Debak, Saribas. Namun demikian, walaupun bahasa Iban mempunyai tempat khas dalam hierarki bahasa di kawasan ini (Collins, 2000), namun pengkaji merasakan bahawa dialek Melayu Saribas tetap memiliki kedudukan istimewa bagi penduduk Melayu Debak, Saribas dan masyarakat ini akan terus mempertahankan bahasa ibunda mereka.

## RUJUKAN

- Abang Abdul Rahman Zohari, 1998. *Pembentukan Melayu Baru Sarawak Menjelang Abad Ke-21: Potensi, Cabaran dan Harapan*. Masyarakat

ETNOLINGUISTIK KOMUNITI MELAYU SARIBAS, SARAWAK


- Melayu Sarawak: Himpunan Kertas Seminar Budaya Melayu II. Kuching: Yayasan Budaya Melayu Sarawak
- Abang Yusuf Puteh, 1996. *The Malay Mind*. Kuching: Shobra Publications Sdn. Bhd.
- Ajid Che Kob, 1982. "Beberapa Masalah Asas dalam Kajian Dialek Geografi: Satu Tinjauan Berdasarkan Kajian Luar di Pasir Mas, Kelantan". *Jurnal Dewan Bahasa*, 1982, April: 226–232.
- Asiah Idris, 1989. "Fonologi Dialek Pahang: Satu Kajian Awal di Kampung Sentang". *Jurnal Dewan Bahasa*, 1989, Jun: 415–446.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Aspek Bahasa Dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1991. *Kepelbagai Fonologi Dialek-dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1995. *Rekonstruksi Bahasa Melayu Induk*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2001. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Hasmadi Awang Mois, 2001. *Adat Melayu Sarawak. Adat Melayu Serumpun: Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*. Melaka: Perbadanan Muzium Melaka
- Chambers J.K. dan P. Trudgill, 1990. Terjemahan. *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dialek Melayu Saribas*. Bahan di internet di alamat <http://www.geocities.com/zoncekpa/Bahasa.html>, <http://www.melayusaribas-debak.mainpage.net/>, <http://www.sriamanro.gov.my> dan <http://debakswk.tripod.com/>
- Ismail Hamid, 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- James T. Collins, 1987. *Dialek Melayu Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- James T. Collins, 1981. "Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan". *Jurnal Dewan Bahasa*, 1981, Disember: 93–108.
- James T. Collins, 2000. "Kepelbagai Dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang". *Jurnal Dewan Bahasa*, 2000, Januari: 2–17.
- Joshua A. Fishman, 1991. Terjemahan. *Sosiologi Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Esayah, 1999. *Perbandingan Fonologi Dialek Melayu Satun dengan Dialek Melayu Perlis*. Tesis Sarjana. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

HAMIDAH ABDUL WAHAB

- Kamus Linguistik, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Abas, 1971. *Linguistik Deskriptif dan Nama Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madzi Johari, 1989. *Fonologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Haji Arsat, 1996. *Sejarah Perkembangan Lembangan Rajang di Sarawak*. Sibu: Jawatan kuasa Warisan Kebudayaan Dewan Suarah.
- Mohd. Taib Osman, 1989. *Masyarakat Melayu: Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed, 2003. *Beberapa Topik Asas Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Yeop Johari Yaakob, 1984. "Analisis Fonem Bahasa Melayu Dialek Negeri Sembilan". *Jurnal Dewan Bahasa*, 1984, Ogos: 506–528.
- William J. Samarin, 1993. Terjemahan. *Linguistik Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.


ETNOLINGUISTIK KOMUNITI MELAYU SARIBAS, SARAWAK  
**LAMPIRAN**

**Peta 1** Kedudukan Daerah Saribas, Sarawak.



Sumber: Dipetik daripada laman web di alamat <http://www.melayusaribas-debak.mainpage.net/>

**Peta 2** Kedudukan kawasan Debak, Saribas, Sarawak.



Sumber: Dipetik daripada laman web di alamat <http://www.sriamanro.gov.my>